

11 MAR 1999

Sabah-Samy

LIMA SEBAB KENAPA PERLU BERIKAN MANDAT KEPADA BN, KATA SAMY VELLU

KUALA LUMPUR, 11 Mac (Bernama) -- Menteri Kerja Raya dan presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu hari ini berkata ada lima sebab utama bagi rakyat Sabah mengundi Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya negeri selama dua hari mulai esok.

Beliau berkata sebab pertama ialah BN telah menunjukkan kemampuan membentuk sebuah kerajaan yang amat stabil sejak 42 tahun lepas.

Sebab-sebab lain ialah:

\* BN mempunyai kepimpinan yang berpandangan jauh di bawah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad;

\* BN mempunyai rancangan jangka panjang untuk memperbaiki taraf kehidupan rakyat melalui peruntukan yang berterusan dan mencukupi;

\* BN telah mewujudkan perpaduan kaum yang membentuk asas bagi pembangunan; dan

\* Masanya telah tiba bagi rakyat Sabah bersepadu dengan rakyat Malaysia lain dan menikmati kemewahan yang diwujudkan oleh kerajaan BN.

Samy Vellu berkata rakyat Sabah kini berada di persimpangan jalan kerana kerajaan yang mereka pilih akan mentadbir negeri bagi abad yang akan datang.

"Dan rakyat Sabah memerlukan kemudahan dan keadaan sosial yang lebih baik," katanya.

Katanya lima tahun pemerintahan BN di Sabah telah membawa banyak perubahan kepada negeri itu.

Para pengundi harus membiarkan proses ini diteruskan dengan mengundi BN.

Beliau juga berkata kerajaan BN persekutuan dan negeri telah berikrar untuk berusaha lebih kuat membawa pembangunan industri dan sosial bagi Sabah.

"Ini hanya boleh dilakukan oleh BN," kata Samy Vellu.

Para pengundi dalam enam daripada 48 kawasan pilihan raya Sabah mengundi esok pada hari pertama pilihan raya negeri kesembilan.

-- BERNAMA

ES RON